

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (MANIFESTO)

TARIKH: 08 APRIL 2018

MUKA SURAT: 22

BN janji perkasa isu kepentingan awam

[FOTO HIASAN]



Penambahbaikan aplikasi dalam talian meningkatkan kecekapan dan meminimumkan ketirisan dalam perkhidmatan awam.

Barisan Nasional (BN) berjanji meningkatkan mekanisme Petisyen Awam, bertujuan memperkasa ketelusan dalam isu-membabitkan kepentingan awam.

Menerusi teras Tadbir Urus Yang Baik dan Penyertaan Rakyat, BN berikrar memastikan setiap petisyen dalam talian yang menerima lebih 30,000 sokongan mendapat maklum balas kerajaan.

Langkah itu antara inisiatif ke arah kerajaan digital melalui penambahan aplikasi dalam talian demi meningkatkan kecekapan, membasmi rasuah dan meminimumkan ketirisan dalam perkhidmatan awam.

Ketirisan turut dipertingkatkan melalui penggubalan undang-undang, antaranya menggubal Akta Berita Palsu dan Akta Dana Politik di Malaysia bagi menjaga keharmonian dan kestabilan ekonomi serta memantau sumbangan dan perbelanjaan parti politik di negara ini.

BN turut berjanji mewujudkan

Ombudsman untuk menyiasat aduan awam mengenai ketidakadilan dan kelemahan perkhidmatan kementerian, jabatan serta agensi Kerajaan.

Semua pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak terkecuali dalam inisiatif itu dengan menggariskan beberapa langkah yang akan dilaksanakan bagi meningkatkan ketelusan.

Perkenal aplikasi iKepoh

Antaranya, PBT diwajibkan membuat siaran langsung mesyuarat ahli majlis, mewajibkan town hall dewan perbandaran penduduk secara berskala, mendedahkan laporan audit tahunan untuk makluman orang awam.

PBT juga akan memperkenalkan aplikasi iKepoh bagi membolehkan orang ramai membuat aduan melalui aplikasi telefon pintar dan merealisasikan transformasi dengan aplikasi keterbukaan maklumat, komunikasi serta hubungan dengan penduduk.